

Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga

1.0 Latar Belakang

Kuasa, tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Lembaga adalah digariskan di bawah Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga. Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga semasa telah diluluskan oleh Lembaga pada 27 April 2021.

2.0 Tujuan

Tujuan Jawatankuasa Audit Lembaga ditubuhkan adalah untuk memberikan pengawasan berstruktur dan sistematik terhadap tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman KWSP. Jawatankuasa Audit Lembaga membantu Lembaga KWSP dan Pengurusan KWSP dengan memberikan nasihat dan panduan mengenai kecukupan inisiatif yang dijalankan oleh KWSP ke atas:

- a) nilai dan etika;
- b) struktur tadbir urus;
- c) pengurusan risiko kecuali untuk aktiviti pengurusan risiko berkaitan dengan pembuatan keputusan Pelaburan;
- d) rangka kerja kawalan dalaman;
- e) pengawasan aktiviti audit dalam, juruaudit luar dan pemberi jaminan lain; dan
- f) penyata kewangan dan pelaporan akauntabiliti awam.

Secara umum, Jawatankuasa Audit Lembaga menyemak setiap perkara yang dinyatakan di atas dan memberikan nasihat dan panduan bebas kepada Lembaga berkenaan kecukupan dan keberkesanan amalan pengurusan dan cadangan penambahbaikan terhadap amalan tersebut.

3.0 Kuasa

Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga menetapkan kuasa Jawatankuasa Audit Lembaga untuk melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan oleh Lembaga seperti dinyatakan di dalam Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Jawatankuasa Audit Lembaga akan mempunyai akses yang tidak terhad kepada Pengurusan KWSP, anggota KWSP dan maklumat relevan yang dianggap perlu untuk melaksanakan tugasnya. Jawatankuasa Audit Lembaga juga akan mempunyai akses yang tidak terhad kepada semua rekod, data dan laporan KWSP. Sekiranya akses ke dokumen yang diminta ditolak atas alasan perundangan atau kerahsiaan, Jawatankuasa Audit Lembaga ataupun Ketua Jabatan Audit Dalam akan mengikuti mekanisme yang ditetapkan dan diluluskan oleh Lembaga untuk menyelesaikan perkara tersebut.

Jawatankuasa Audit Lembaga berhak menerima apa-apa maklumat penjelasan yang dianggap perlu untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Pengurusan dan anggota KWSP harus memberi kerjasama ke atas permintaan Jawatankuasa Audit Lembaga.

Jawatankuasa Audit Lembaga diberi kuasa untuk:

- a) Melantik, membayar, dan mengawasi semua perkhidmatan audit dan bukan audit yang telah dijalankan oleh juruaudit, termasuk kerja yang dilaksanakan oleh mana-mana firma perakaunan awam berdaftar yang telah dilantik oleh KWSP;
- b) Menyelesaikan sebarang perselisihan antara Pengurusan dan juruaudit luar mengenai pelaporan kewangan dan perkara-perkara lain; dan

- c) Memberikan pra-kelulusan untuk semua perkhidmatan audit dan bukan audit yang dilaksanakan oleh juruaudit.

4.0 Komposisi Jawatankuasa Audit Lembaga

Jawatankuasa Audit Lembaga akan dianggotai oleh sekurang-kurangnya lima (5) ahli di mana majoriti adalah bebas. Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga harus, secara kolektif, memiliki pengetahuan yang mencukupi dalam bidang audit, kewangan, pengetahuan industri tertentu, teknologi maklumat, undang-undang, tadbir urus, risiko dan kawalan.

5.0 Kuorum

Kuorum untuk Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga adalah tiga (3) ahli yang merangkumi Pengerusi bersama dengan dua (2) ahli, di mana majoriti adalah bebas. Sekiranya Pengerusi tidak berhadir, Mesyuarat akan dipengerusi oleh Timbalan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi akan menjalankan keseluruhan kuasa Pengerusi semasa Mesyuarat diadakan.

6.0 Prinsip Operasi

6.1 Nilai Jawatankuasa Audit Lembaga

Jawatankuasa Audit Lembaga akan melaksanakan fungsinya selaras dengan kod nilai dan etika KWSP. Jawatankuasa Audit Lembaga menjangkakan bahawa Pengurusan dan anggota KWSP akan mematuhi kod nilai dan etika KWSP tersebut.

6.2 Pelan Kerja

Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga akan bekerjasama dengan Ketua Jabatan Audit Dalam dan Pengurusan Kanan untuk menetapkan pelan kerja bagi memastikan bahawa tanggungjawab

Jawatankuasa Audit Lembaga telah dijadualkan dan akan dilaksanakan.

6.3 **Agenda Mesyuarat**

Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga akan menetapkan agenda untuk mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga dengan Ketua Jabatan Audit Dalam selepas perbincangan bersama Pengurusan Kanan KWSP.

6.4 **Keperluan Maklumat**

Jawatankuasa Audit Lembaga akan menetapkan dan menyampaikan keperluannya untuk mendapatkan maklumat yang merangkumi sifat, tahap, dan masa maklumat tersebut diperlukan. Maklumat perlu diberikan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga sekurang-kurangnya lima (5) hari bekerja sebelum setiap mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga.

6.5 **Sesi Eksekutif**

Jawatankuasa Audit Lembaga akan menjadualkan sesi peribadi bersama Ketua Jabatan Audit Dalam, dan jika perlu, sesi peribadi dengan Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, pemberi jaminan luaran, dan mana-mana pegawai yang dianggap bersesuaian pada setiap mesyuaratnya.

7.0 **Prosedur Operasi**

7.1 **Mesyuarat**

Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga perlu diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun atau lebih kerap jika

Jawatankuasa Audit Lembaga menganggapnya perlu. Sebolehnya, jangka masa antara setiap mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga sepatutnya tidak melebihi empat (4) bulan. Selain itu, Jawatankuasa Audit Lembaga juga perlu mengadakan mesyuarat bersama juruaudit luar sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun tanpa kehadiran Pengurusan.

Minit mesyuarat harus disediakan sesuai dengan undang-undang, peraturan, undang-undang kecil, polisi, prosedur dan/atau persyaratan lain yang berkaitan.

7.2 Tugas Dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Lembaga meliputi:

7.2.1 Nilai dan Etika

Untuk mendapatkan jaminan munasabah berkenaan nilai dan amalan etika KWSP, Jawatankuasa Audit Lembaga akan:

- a) Mengkaji dan menilai polisi, prosedur dan amalan yang ditetapkan oleh KWSP untuk memantau kepatuhan anggota KWSP kepada kod etika yang ditetapkan;
- b) Memberi pengawasan ke atas mekanisme yang dibentuk oleh Pengurusan untuk menetapkan dan mengekalkan standard etika yang tinggi untuk semua anggota KWSP; dan

- c) Mengkaji dan memberikan nasihat mengenai sistem dan amalan yang ditetapkan oleh Pengurusan untuk memantau kepatuhan kepada undang-undang, peraturan, polisi dan kod etika serta mengenal pasti dan menangani pelanggaran dari segi undang-undang atau dari segi etika.

7.2.2 **Tadbir Urus Korporat**

Untuk mendapatkan jaminan munasabah mengenai proses tadbir urus KWSP, Jawatankuasa Audit Lembaga akan mengkaji dan memberikan nasihat ke atas proses tadbir urus yang ditetapkan dan dilaksanakan di organisasi ini dan prosedur yang telah ditetapkan untuk memastikan ianya beroperasi seperti yang ditentukan.

7.2.3 **Pengurusan Risiko**

Memberi pandangan berkecuali dan jaminan munasabah ke atas kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko kecuali aktiviti pengurusan risiko dalam membuat keputusan pelaburan.

7.2.4 **Pematuhan**

Jawatankuasa Audit Lembaga akan:

- a) Mengkaji keberkesanan sistem pemantauan ke atas kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan sedia ada dan hasil penyiasatan dan tindakan yang diambil (termasuk tindakan tatatertib) ke atas apa-apa kejadian ketidakpatuhan;

- b) Mengkaji pemerhatian dan pandangan yang dinyatakan oleh juruaudit dalam dan juruaudit luaran dan penemuan oleh mana-mana agensi pengawalseliaan; dan
- c) Mengkaji proses komunikasi kod etika kepada anggota KWSP dan pemantauan kepatuhan kepada kod etika.

8.0 Pengawasan Aktiviti Audit Dalam dan Pemberi Jaminan Lain

8.1 Aktiviti Audit Dalam

- a) Meluluskan Piagam Audit Dalam secara tahunan yang menterjemahkan kuasa, akauntabiliti dan peranan yang diberikan oleh Pengurusan kepada juruaudit dalam untuk mengendalikan skop kerja tertentu;
- b) Meluluskan pelan audit tahunan yang disediakan oleh juruaudit dalam;
- c) Menilai sistem kawalan dalaman melalui semakan ke atas laporan-laporan juruaudit dalam yang menggambarkan kelemahan-kelemahan perakaunan, pengorganisasian atau kawalan operasi dan tindakan pembaikan yang sewajarnya oleh Pengurusan;
- d) Menilai keberkesanan dan kecekapan Jabatan Audit Dalam dan juruaudit luar melalui mesyuarat yang berterusan bersama juruaudit dalam;

- e) Membuat penilaian prestasi tahunan juruaudit dalam mengenai pelaksanaan pelan audit tahunan serta jenis penilaian lain seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa;
- f) Mempertimbangkan rancangan pelaksanaan pemeriksaan audit khas fungsi Audit Dalam oleh juruaudit luar dengan kekerapan sekurang-kurangnya lima (5) tahun sekali;
- g) Melaporkan hasil penemuan semakan jaminan kualiti kepada Lembaga; dan
- h) Menyelia dan mengarahkan projek khas atau penyiasatan yang perlu atau diarahkan oleh Lembaga.

8.2 **Juruaudit Luar**

- a) Menilai sistem kawalan dalaman melalui semakan ke atas laporan-laporan juruaudit luar yang menggambarkan kelemahan-kelemahan perakaunan, pengorganisasian atau kawalan operasi dan tindakan pembaikan yang sewajarnya oleh Pengurusan; dan
- b) Menilai dan mempertimbangkan rancangan pengauditan khas pengurusan oleh juruaudit luar sekiranya terdapat keperluan serta melaporkan penemuannya kepada Lembaga.

8.3 **Laporan Audit**

- a) Menilai dan menganalisis kesemua penemuan dan pertanyaan audit yang diterima daripada juruaudit dalam dan juruaudit luar; dan
- b) Menentukan jadual laporan berkala daripada Pengurusan, juruaudit dalam dan juruaudit luar dengan mengambil kira kesan daripada perubahan-perubahan yang penting dan penambahbaikan ke atas tatacara layanan perakaunan dan keperluan pelaporan sebagaimana yang dicadangkan oleh badan-badan perakaunan atau mana-mana perkara penting melalui semakan tahunan.

8.4 **Laporan Kewangan**

Menilai dan memperakukan laporan kewangan suku tahun dan laporan kewangan tahunan kepada Lembaga dengan tumpuan ke atas:

- a) Pindaan atau implementasi polisi / piawaian perakaunan baru;
- b) Perkara-perkara penting yang dibangkitkan termasuk isu-isu laporan kewangan, pertimbangan penting yang dibuat oleh pengurusan, perkara atau transaksi luar biasa yang signifikan dan bagaimana perkara-perkara ini ditangani; dan
- c) Pematuhan kepada peruntukan piawaian perakaunan yang diterima pakai di Malaysia dan peraturan undang-undang yang lain.

8.5 **Tanggungjawab-Tanggungjawab Lain**

8.5.1 **Polisi-Polisi**

- a) Menilai keberkesanan dan kecukupan polisi perakaunan, pengurusan kewangan dan prosedur KWSP melalui perbincangan antara juruaudit dalam dan juruaudit luar bersama pihak Pengurusan; dan
- b) Menilai dan memperakukan kepada Lembaga keberkesanan dan kecukupan mana-mana perubahan penting dalam polisi keselamatan maklumat KWSP.

8.5.2 **Urusniaga Pihak Berkaitan**

Mengkaji, menilai dan melaporkan kepada Lembaga berhubung mana-mana urusniaga pihak berkaitan dan situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul di dalam KWSP atau syarikat subsidiari KWSP dan syarikat usaha sama di mana KWSP mempunyai kawalan termasuk apa jua urus niaga, prosedur atau tata laku yang mungkin menimbulkan persoalan mengenai integriti pihak Pengurusan.

8.5.3 **Perkara-Perkara Lain**

- a) Menilai keberkesanan dan kecukupan Pelan Pengurusan Kawalan Fraud;
- b) Melaporkan ringkasan aktiviti dan cadangan Jawatankuasa Audit Lembaga kepada Lembaga

secara tahunan. Laporan boleh dibentangkan secara berkala semasa mesyuarat Lembaga. Laporan tersebut hendaklah merangkumi:

- Ringkasan kerja yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga dalam melaksanakan sepenuhnya tanggungjawabnya pada tahun sebelumnya;
 - Ringkasan status pelaksanaan dalam menangani hasil laporan audit dalaman dan luaran oleh Pengurusan;
 - Maklumat mesyuarat, termasuk bilangan mesyuarat yang diadakan dalam tempoh yang berkaitan dan kehadiran ahli dalam setiap mesyuarat tersebut;
 - Memberi maklumat yang diperlukan, jika ada, atas perkembangan tadbir urus korporat yang baharu atau yang baharu muncul; dan
 - Jawatankuasa Audit Lembaga boleh melaporkan kepada Lembaga pada bila-bila masa mengenai perkara lain yang dianggap ada kepentingan.
- c) Melaksanakan apa-apa tugas yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.